



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**1 KOMPAUN DAN 1 NOTIS AMARAN DIKELUARKAN DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA  
SEMASA OPERASI BERSEPADU UNIT SDT DAN JPES DI DAERAH TUTONG**

- 
1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Tutong pada hari Isnin, 16 Jun 2025.
  2. Ianya merupakan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara rutin dalam memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Operasi sepadu juga menguatkuasakan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya bagi memastikan barang yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, serta barang yang dijual untuk dibubuh tanda harga yang jelas bagi memelihara kebijakan pengguna.
  3. Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak lapan belas (18) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).
  4. Semasa operasi berkenaan, JPES turut mendapati dua (2) kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Berikutan itu, Syarikat Soon Lee Mega Mart telah dikenakan kompaun BND500.00 kerana gagal mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barang yang dijual di dalam premis perniagaan. Selain itu, satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi susu tepung formula, barang yang dikawal harga di bawah Akta.
  5. Para pembeli juga adalah dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isipadu, ukur panjang dan lebar, alat-alat tersebut mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT.
  6. Para peniaga diingatkan untuk mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dengan memastikan barang yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul. Harga maksimum bagi barang yang dikawal boleh diperolehi dari laman sesawang JPES di [www.deps.mofe.gov.bn/cad](http://www.deps.mofe.gov.bn/cad).

7. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:

- i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau talian 238 3142; dan
- ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn)

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT),  
Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Rujukan : (069) KKW/SDT/ENF/04  
Tarikh : 29 Zulhijjah 1446 / 26 Jun 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**1 COMPOUND AND 1 WARNING NOTICE WERE ISSUED UNDER THE PRICE CONTROL ACT  
DURING RECENT JOINT OPERATION SDT UNIT AND DEPS IN TUTONG DISTRICT**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) and Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through Department of Consumer Affairs (DCA) under the Ministry of Finance and Economy conducted Joint Operation at several business premises at Tutong District on Monday, 16 June 2025.
2. The operation was part of a routine enforcement to ensure weights and measures machines that is used for business activity are registered and verified accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151. The operation also enforced the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations to ensure that controlled items are sold within the set maximum price and that prices are accurately and clearly displayed in upholding consumer welfare.
3. During the operation, SDT officers found eighteen (18) units of weighing machines used for trading purposes. All weighing machine are verified, accurate and registered accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 and Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2).
4. During the operation, JPES also found two (2) violations under the Price Control Act, Chapter 142. Following this, Soon Lee Mega Mart was issued a compound of BND500.00 for failing to clearly and accurately display prices on items sold at its business premises. Additionally, a Warning Notice was issued for non-compliance with the prescribed maximum price for formulated powdered milk, a controlled-item under the Act.
5. Consumers are also advised to ensure weighing and measuring machines used during trading activities that involving weight, volume and length of the machines bear valid registration sticker issued by the SDT unit.
6. Retailers are reminded to adhere to the Price Control Act, by ensuring that controlled items are not sold above the prescribed maximum prices and that prices are displayed clearly and accurately. The lists of maximum prices for controlled items can be accessed via the DEPS website at [www.deps.mofe.gov.bn/cad](http://www.deps.mofe.gov.bn/cad).

7. For any enquiries, public may contact the relevant agencies as follows:

- i. Weights and Measures Unit via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) or contact at 238 3142 and
- ii. Department of Consumer Affairs, DEPS via Talian Darussalam 123 or e-mail [consumercomplaint@jpes.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpes.gov.bn)

**-END-**

Prepared by:

Weights and Measures Unit (SDT),  
Industry and Business Ecosystem Division (IBE),  
Ministry of Finance and Economy.

E-mail: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Reference : (069) KKW/SDT/ENF/04  
Date : 29 Zulhijjah 1446 / 26<sup>th</sup> June 2025

**OPERASI SEPADU UNIT SUKATAN & TIMBANGAN DAN  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI & STATISTIK (JPES) DI DAERAH TUTONG**

